

05/08/2001

Ahli Pas dilatih guna senjata

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada segelintir ahli Pas diajar memikul senjata di luar negara dengan niat melakukan keganasan termasuk menggulingkan kerajaan apabila pulang ke tanah air.

Perdana Menteri berkata, pada awalnya tindakan ahli Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) mendapatkan latihan bersama dengan puak seperti Taliban di Afghanistan, tidak menimbulkan sebarang syak.

"Tapi apabila kita dapati mereka ada niat mahu mengadakan tindakan ganas termasuk membunuh, merompak bank dan meletupkan bom, ini kita tidak boleh benarkan dalam negara kita.

"Sebab itu mereka dimasukkan dalam tahanan," katanya ketika diminta mengulas penahanan lapan lelaki, termasuk dua pemimpin Pemuda Pas mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kelmarin kerana dipercayai menganggotai kumpulan militan agama yang dikenali Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM).

Antara mereka yang ditahan, Ketua Pemuda Pas Larut, Perak, Ahmad Tajuddin Abu Bakar dan Ketua Pemuda Pas Sungai Benut, Pontian Johor, Noorashid Sakip.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Agung Tahunan MCA Ke-48 di Dewan San Choon, Wisma MCA di sini, semalam, Perdana Menteri berkata memang ada pengaruh Pas di kalangan ahli kumpulan militan itu.

Ditanya sama ada pembabitian Pas dalam gerakan militan itu memberi kesan terhadap aliran politik negara, Dr Mahathir berkata: "Ada ahli Pas yang ingin bergerak mengikut proses undang-undang dan demokrasi.

"Tapi, ada juga ahli mereka agak ekstrim, yang berpendapat proses demokrasi agak lambat atau tidak menjayakan mereka. Dengan itu, mereka lebih senang dengan cara ganas untuk menggulingkan kerajaan, melakukan pembunuhan dan sebagainya," katanya.

Mengenai kekecohan dan suasana tegang sepanjang Persidangan Pemuda MCA, kelmarin, Dr Mahathir berkata menjadi perkara biasa berlaku perselisihan pendapat di kalangan ahli parti.

Beliau berkata, apa juga perselisihan yang timbul cara penyelesaiannya mesti mengutamakan perpaduan dan keutuhan parti.

"Ini perkara biasa, mungkin sekarang ini agak lebih sedikit, walau apapun, cara menyelesaikannya harus utamakan kepentingan parti. Saya kata macam itu dan dalam Umno pun saya kata benda yang sama," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata tidak timbul keraguan kepentingan MCA terjejas berikutan penurunan dari segi nisbah penduduk kaum itu.

Menurut beliau, meskipun nisbah penduduk Cina dengan penduduk lain menurun, bilangan kaum dan kualiti penduduk didapati meningkat.

Mengenai kemungkinan Universiti Tun Abdul Razak (UTAR) dijadikan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Dr Mahathir berkata, setakat ini soal itu tidak timbul.

"Yang itu kita tak dengar apa-apa lagi. Jika perkara itu dicadangkan, kita akan kaji secara mendalam," katanya.

Menurut Perdana Menteri, meskipun UTAR yang dimiliki MCA berkonsep universiti terbuka untuk semua kaum, kemasukan pelajarinya perlu berasaskan kelayakan.

Dr Mahathir berkata kaum lain tidak boleh menyalahkan MCA atau kaum Cina sekiranya mereka tidak layak untuk masuk ke Utar.

"Kalau mereka tidak layak atau kadang-kadang mereka tak ingin, jadi kita

tak boleh salahkan MCA, tak boleh salahkan kaum Cina, mereka (MCA) buka universiti untuk semua kaum, tak ada kuota," katanya.

(END)